

Nilai Dimensi Budaya : Suatu Kajian Analisis Kandungan Ke Atas Filem Pecah Panggung Malaysia

Dimensions Of Culture: An Analysis Of Research On Box Office Film In Malaysia

Tizi Zabirah Mohd Suharta
Abdul Latiff Bin Ahmad

Media dan Komunikasi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence : Tizi Zabirah Mohd Suharta (tizizabirah@gmail.com)

ABSTRAK

Kajian ini melihat sama ada filem Malaysia memaparkan “wajah” Malaysia berdasarkan kepada nilai dimensi budaya. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji nilai dimensi budaya yang terdapat di dalam filem Malaysia melalui elemen-elemen model Hofstede serta mengkaji persamaan dan perkaitan kriteria filem mengikut nilai dimensi. Kajian ini menggunakan enam dimensi budaya teori Hofstede iaitu individualisme-kolektivisme, maskuliniti-feminin, jurang kuasa tinggi-rendah, pengelakan ketidakpastian tinggi - rendah, orientasi jangka panjang - pendek dan kepuasan dan pengawalan. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah analisis kandungan dan analisis tekstual di dalam mengenalpasti nilai-nilai dimensi yang ada di dalam setiap filem menerusi petikan-petikan dialog yang dipaparkan melalui gambar di dalam lima buah filem yang dikaji, iaitu Munafik, Polis Evo, The Journey, Ola Bola dan KL Gangster. Kajian mendapati kelima-lima filem mempunyai kesemua enam nilai dimensi budaya, dan persamaan yang terdapat menerusi watak utama bagi kelima-lima filem ialah, mereka mengamalkan nilai dimensi budaya pengelakan ketidakpastian tinggi dan kekangan serta elemen dimensi budaya kolektivisme di dalam pemaparan watak mereka. Menurut Hofstede, masyarakat Malaysia lebih cenderung untuk mempunyai nilai dimensi budaya kolektivisme yang tinggi. Hal ini dapat menunjukkan industri perfileman Malaysia telah menggambarkan dan mencerminkan wajah sebenar masyarakat Malaysia yang bersifat kolektivisme di dalam diri mereka, namun di dalam kajian ini terdapat dua elemen yang lebih menonjol iaitu pengelakan ketidakpastian tinggi serta kekangan di dalam watak-watak utama kelima-lima filem yang dikaji.

Kata kunci : Teori Hofstede, Nilai Dimensi Budaya, Filem Pecah Panggung, Pengelakan Ketidakpastian Tinggi, Kolektivisme

ABSTRACT

This study exposes whether Malaysia films are indeed Malaysians in the context of cultural dimension. The objective of this study was to examine the cultural dimensions that are present in Malaysia film through Hofstede model and examine the similarities and relevance of the criteria according to the dimensions of the film. This study uses six cultural dimensions of Hofstede's theory which is individualism - collectivism, masculinity - femininity, high power gap - low, high uncertainty avoidance - low, long-term orientation - short and satisfaction and control. The method used is content analysis and textual analysis in identifying the values dimension that is in every film through the scenes and passages of dialogue that appears in the picture in five films studied, Munafik, Polis Evo, The Journey, Ola Bola and KL Gangster. The study found that, all five films have all six dimensions of culture, and there are similarities with the main character of the five films is, they adopt the high uncertainty avoidance cultural dimensions, constraints and also collectivism in the expression of their character. According to Hofstede, Malaysians are more likely to have a high collectivism cultural dimension. In general, Malaysian films are similarly portrays as per the culture dimension stated by Hofstede in the context of collectivism. However, for the main characters, two cultural dimension that were dominant in their character is uncertainty avoidance and constraints dimension.

Key Words : Hofstede Theory, Dimensions Of Culture, Box Office Films, Uncertainty Avoidance. Collectivism

1. Pengenalan

Filem merupakan sebuah medium yang digunakan di dalam menstrukturkan proses pengeluaran makna dalam masyarakat (Julia Abdul Wahad & Mahyuddin Ahmad, 2009). Filem yang dapat menunjukkan realiti kehidupan dan isu kebudayaan yang tepat akan dapat meyakinkan dan menyentuh hati penonton serta dapat menarik khalayak untuk menontonnya. Oleh itu, di dalam kajian ini, kelima-lima buah filem yang akan dikaji adalah filem yang terdiri di dalam carta pecah panggung industri filem tempatan. Filem-filem tersebut ialah, Munafik, Polis Evo, The Journey, Ola Bola dan KL Gangster.

Lima filem yang mencapai carta pecah panggung diambil daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS). Filem-filem tersebut ialah, Munafik iaitu filem daripada Skop Production arahan oleh Syamsul Yusof. Filem ini merupakan filem tempatan yang mempunyai kutipan tertinggi sepanjang zaman dengan kutipan sebanyak RM 19.00 Juta. Filem kedua ialah Polis Evo yang merupakan filem terbitan Astro Shaw dan diarahkan oleh Ghaz Abu Bakar. Filem ini merupakan filem aksi pertama tempatan yang berjaya mendapatkan kutipan sebanyak RM 17.47 juta pada tahun 2015. Filem seterusnya ialah, filem The Journey iaitu filem tempatan yang berbahasa cina dan telah memenangi beberapa pengiktirafan di Malaysian Books Of Records dan telah meraih kutipan sebanyak Rm15juta pada tahun 2014. Filem keempat ialah, Ola Bola, sebuah filem yang mengimbau kembali kenangan dunia sukan bolasepak tanah air. Filem ini berjaya menyentuh jiwa ramai warga dan ianya telah mencapai kutipan sebanyak RM 15.85juta setelah 39 hari tayangan. Filem terakhir yang akan dijadikan sebagai bahan kajian ialah KL Gangster yang juga arahan Syamsul Yusof terbitan Skop Production. Ianya merupakan filem arahan terbaik di dalam Festival Filem Malaysia dan telah berjaya meraih jumlah kutipan sebanyak RM11.54juta.

2. Tinjauan Literatur

Kajian ini telah mengambil pelbagai jenis sumber rujukan daripada jurnal, laman sesawang dan kajian lepas. Bagi memastikan perletakan dan penggunaan sumber rujukan dengan betul, maka ianya telah dibahagikan dengan 3 komponen iaitu, Dimensi Budaya Teori Hofstede. Melalui Nilai Dimensi Budaya Maskuliniti - Feminin, yang kedua Dimensi Budaya dan Perfileman serta yang terakhir adalah mengenai Nilai Dimensi Budaya dalam kalangan budaya berbeza.

2.1 *Dimensi Budaya Dalam Kalangan Budaya Yang Berbeza*

Para sarjana mentafsirkan budaya itu sebagai sebuah pemberi idea dalam sesuatu proses seperti merangkumi bidang majalah, drama, surat khabar, televisyen dan pelbagai lagi. Oleh itu, di dalam kajian ini pengkaji lebih meneliti terhadap kajian-kajian lepas yang sememangnya menggunakan cara dan teknik yang sama untuk mengenalpasti perbezaan sesuatu budaya di dalam sesebuah filem dengan menggunakan Teori Hofstede sebagai medium utama.

Kajian mengenai sesebuah budaya itu dapat membangkitkan sensitiviti budaya rakyat, memperkayakan pengetahuan masyarakat terhadap budaya lain dan juga meningkatkan kesedaran rakyat mengenai komunikasi antara budaya berdasarkan drama yang dikaji (Wenmin Mo, 2015)

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian-kajian lepas yang diperoleh memang diakui terdapat banyak perbezaan di dalam sesebuah budaya. Terdapat beberapa filem yang mengadaptasi budaya luar dan diserap kedalam filem yang dikeluarkannya. Tidak kurang juga yang bersetuju bahawa budaya sesebuah masyarakat adalah unik dengan caranya yang tersendiri.

2.2 *Dimensi Budaya Dan Perfileman*

Kandungan media dalam filem berkemampuan untuk meninggalkan kesan yang pelbagai kepada khalyak terutamanya dari segi sudut pandang positif atau negatif. Selain itu, penghasilan filem yang berkaitan budaya dalam kuantiti yang banyak dengan kemudahan penyebaran keluaran budaya secara pantas dan luas disebabkan oleh peredaran masa dan teknologi yang canggih. Oleh itu, kebanyakan filem yang memaparkan nilai-nilai budaya selalunya lebih menonjol kerana kualiti yang dipaparkan lebih dekat dengan penonton (Sri Moerdijati, 2010).

2.3 *Dimensi Budaya Dan Teori Hofstede*

Terdapat pelbagai kajian lepas yang berkaitan dengan dimensi budaya Hofstede yang dilakukan oleh sarjana barat atau timur. Hal ini demikian kerana, budaya di sesebuah Negara adalah berbeza dengan budaya Negara yang lain walaupun bangsa atau agama yang sama.

Di dalam kajian lepas yang dipilih lebih banyak mengenalpasti nilai dimensi maskuliniti-feminin di dalam sesebuah budaya iaitu, ianya adalah dominan. (Halimah Mohamed Ali, 2014). Hal ini dapat dibuktikan dengan hasil kajian Clarissa Callista Tjeng, 2014 yang menyatakan ciri-ciri jantina tidak kekal tetapi akan berubah kerana kerana nilai-nilai yang dipercayai oleh masyarakat.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan Teori Hofstede sebagai medium utama di dalam pencarian maklumat dan dapatan di dalam filem-filem yang dikaji. Namun, selain itu pendekatan analisis kandungan juga digunakan sebagai satu teknik untuk komunikasi secara sistematik menyifatkan penulisan, lisan atau visual dan menyediakan penerangan secara kuantitatif. Begitu juga dengan penggunaan analisis tekstual yang digunakan untuk menggambarkan kandungan, fungsi dan struktur mesej yang terkandung dan terdapat di dalam teks.

3.1 *Persampelan*

Persampelan bagi kajian ini adalah kelima-lima buah filem yang menduduki carta tertinggi pecah panggung di Malaysia iaitu filem *Munafik*, *Polis Evo*, *The Journey*, *Ola Bola* dan *KL Gangster*.

3.2 *Analisis Data*

Setelah data yang berkenaan dengan kajian dikutip dan disusun secara teratur, data tersebut kemudiannya akan dianalisis dari segi dimensi budaya Hofstede. Dalam kajian ini, kesemua nilai dimensi yang terdapat dalam babak-babak yang dizahirkan oleh watak-watak daripada filem *Munafik*, *Polis Evo*, *The Journey*, *Ola Bola* dan *KL Gangster* ini akan dibandingkan dari segi nilai Hofstede iaitu berdasarkan nilai dimensi budaya. Dengan ini data berkenaan akan dianalisis dan dikaji mengikut dimensi budaya supaya nilai perbandingan akhir antara realiti dan penzahiran nilai daripada filem dapat diterokai secara mendalam dan menyeluruh.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 *Munafik*

Munafik merupakan filem yang bergenre seram dan menduduki carta tertinggi di dalam carta pecah panggung Malaysia. Kisah ini bermula apabila watak utama, Ustaz Adam yang kehilangan isterinya di dalam sebuah kemalangan dan setelah kejadian itu dia tidak lagi ingin membantu ruqyahkan orang kampung dan lebih memilih untuk memerap di rumah kerana hati dan imannya mula goyah. Klimaks filem ini apabila Maria mula dikacau dan sering dirasuk oleh Jin telah membongkarkan cerita sebenar di sebalik kemalangan yang terjadi serta kemanisan sabar dan percaya pada Qada` dan Qadar kepada Ustaz Adam.

Dari sudut penggunaan Teori Hofstede sebagai kaedah kajian, pengkaji mendapati bahawa Ustaz Adam selaku watak utama mengamalkan nilai dimensi budaya individualisme dan kolektivisme secara seimbang. Iaitu dia tahu akan matlamatnya dan dia ingin capai matlamatnya walau apa cara sekalipun dan juga masih mementingkan kepentingan semua pihak iaitu orang kampungnya. Selain itu, Ustaz Adam ini juga mempunyai nilai dimesnsi budaya maskulin, jurang kuasa yang rendah antara Imam Ali dan pengelakkan ketidakpastian tinggi serta keseimbangan di dalam kelonggaran atau kekangan.

Seterusnya ialah watak Zeti yang lebih cenderung ke arah nilai budaya feminin dan pengelakan ketidakpastian rendah. Manakala watak Maria pula lebih ke arah nilai budaya orientasi jangkamasa pendek dan pengelakan ketidakpastian tinggi. Berlawanan dengan Ustaz

Azman yang lebih cenderung ke arah orientasi jangkamasa panjang serta watak Fazli yang dominan di dalam nilai budaya jurang kuasa tinggi.

Keunikan yang terdapat di dalam filem *Munafik* ini ialah, kebanyakan nilai dimensi budaya teori Hofstede ini banyak dipaparkan oleh watak utama iaitu Ustaz Adam. Keseimbangan nilai dimensi budaya yang ada pada diri Adam, membolehkan dia menjadi pelbagai karakter pada masa-masa tertentu. Kesemua nilai-nilai dimensi budaya ini dibuktikan dengan menyenaraikan babak-babak tertentu yang berkaitan dengan nilai dimensi yang dikaji.

Sebagai contoh, bagi nilai dimensi budaya kolektivisme Ustaz Adam ini juga sangat mementingkan adat resam dan sensitiviti masyarakat kita. Terdapat sebuah babak di mana mereka sudah selesai mengubati Maria, dan kemudiannya Ustaz Azman mempersoalkan bahawa masyarakat Melayu sekarang ini masih lagi mengamalkan sihir, dan keadaan ini sangat memalukan bangsa. Namun, Ustaz Adam menegaskan bahawa perkara sihir-menyihir ini bukanlah memalukan bangsa, namun memalukan agama. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Ustaz Adam mempunyai nilai dimensi budaya kolektivisme yang tinggi apabila, dia amat mementingkan nilai-nilai tradisional budaya masyarakat melayu dan syariat di dalam agama Islam.

Ustaz Adam sememangnya mempunyai nilai dimensi pengelakan ketidakpastian tinggi apabila dia seolah-olah tidak mampu untuk menerima kenyataan bahawa isterinya sudah meninggal. Oleh sebab itu, terdapat dialog dia menyoalkan mengapa perkara ini terjadi. Ustaz Adam terlalu terbuai dengan perasaannya yang tidak mampu untuk memikir dengan dalam kerana dia hanya percaya apa yang benar iaitu isterinya sudah meninggal, sehingga tertutup perasaannya untuk memastikan anaknya juga sebenarnya telah meninggal.

4.2 Polis Evo

Polis Evo merupakan sebuah filem yang juga telah memecah panggung apabila berjaya menjadi filem yang mendapat kutipan paling tinggi iaitu sebanyak RM 17.47 juta pada tahun 2015. Filem ini dikatakan telah mampu menaikkan taraf filem Malaysia ke peringkat antarabangsa kerana ianya seolah-olah sama dengan konsep *Fast Furious* di samping kesan khas yang ditonjolkan itu sangat bernas.

Polis Evo mengisahkan mengenai kehidupan anggota polis yang menjalankan tugas mereka. Namun, terdapat beberapa drama dan peristiwa yang terjadi semasa mereka (Inspektor Sani dan Inspektor Khai) sehinggakan ketidakserasian mereka ini telah membuatkan misi mereka untuk menumpaskan sindiket dadah di Terengganu hampir gagal. Walaubagaimanapun, dipengakhiran cerita, Inspektor Khai dan Inspektor Sani berjaya menumpaskan kegiatan jenayah dadah syabu dan akhirnya mereka mampu untuk bekerjasama dalam melaksanakan misi.

Dalam filem *Polis Evo* ini, hasil kajian menunjukkan Inspektor Khai banyak menggunakan nilai dimensi budaya maskuliniti, feminin, jurang kuasa rendah, pengelakan ketidakpastian rendah, kelonggaran dan juga orientasi jangka panjang. Bagi nilai dimensi budaya maskuliniti dan feminin, Inspektor Khai mengamalkannya dengan seimbang dari permulaan cerita dengan dimensi maskuliniti dan di pengakhiran cerita pula mengamalkan dimensi feminin. Begitu juga dengan watak Inspektor Sani, jika dapat dibandingkan antara mereka berdua, Inspektor Sani juga mengamalkan nilai dimensi budaya maskuliniti dan feminin secara seimbang dari awal hingga ke akhir cerita.

Di dalam filem Polis Evo ini watak Inspektor Sani lebih cenderung ke arah pengelakan ketidakpastian tinggi. Oleh itu, menurut hasil kajian mendapati Inspektor Sani amat memegang budaya dan adat resam di negerinya itu, dan dia juga amat mengagung-agungkan negeri Terengganu. Buktinya apabila, Inspektor Khai dilaporkan bertugas bersamanya, dia mula memperlekehkan Inspektor Khai dengan menyatakan orang Kuala Lumpur tidak tahu menahu selok-belok Terengganu. Gambar di bawah ada menyatakan dialognya bersama dengan salah seorang lagi anggota polis yang juga berasal dari Kuala Lumpur. Baginya, polis di Kuala Lumpur itu sombong dan dia seolah-olah tidak dapat menerima kenyataan akan adanya seorang lagi yang mungkin hebat darinya datang untuk membantu. Inspektor Sani merasa tercabar, oleh sebab itu dia menggunakan alasan “tidak tahu selok-belok negeri Terengganu”.

Nilai dimensi budaya pengelakan ketidakpastian rendah diamalkan oleh watak Inspektor Khai. Dia seorang yang berani dan bersedia dalam melakukan apa sahaja. Selain itu, Inspektor Khai juga boleh membuat inovasi dan pembaharuan serta boleh menerima suasana baru. Hal ini kerana, Inspektor Khai telah ditugaskan oleh supervisornya untuk membantu Inspektor Sani didalam menyelesaikan kes dadah syabu merah di Terengganu. Jelas kelihatan nilai elemen ini pada watak Inspektor Khai ketika dia melaporkan diri kepada ibu pejabat polis Terengganu.

Walaupun terdapat beberapa nilai dimensi budaya seperti kolektivisme yang tidak disenaraikan oleh watak utama, namun ianya tidak bermakna mereka tidak mempunyai nilai tersebut, cuma tidak kelihatan jelas di dalam penceritaan filem.

4.3 *The Journey*

Filem *The Journey* ini mengisahkan mengenai seorang bapa yang membenarkan anak perempuannya untuk mengahwini seorang pemuda Inggeris dengan satu syarat, iaitu pemuda tersebut harus mengikutinya mengelilingi seluruh negara untuk menyerahkan jemputan perkahwinan mereka. Walaubagaimanapun, terdapat pelbagai kesulitan dan masalah yang berlaku sepanjang Ah Bee (watak utama) ingin berkahwin dengan Benji(watak utama). Hal ini kerana, pada awalnya Pak Cik Chuan tidak menggemari anaknya untuk berkahwin dengan orang luar.

Di dalam filem ini, menunjukkan bahawa Pak Cik Chuan lebih banyak mengamalkan dimensi budaya kolektivisme, feminin, jurang kuasa tinggi, pengelakan ketidakpastian yang tinggi dan orientasi jangka panjang serta pengawalan dari permulaan babak hingga ke pengakhiran penceritaan di dalam filem *The Journey* ini. Walaubagaimanapun, dimensi-dimensi lain juga turut diamalkan mengikut babak-babak yang tertentu supaya mencapai sesuatu di dalam babak tersebut. Sebagai contoh pengamalan dimensi budaya maskuliniti apabila mempersoalkan pencapaian anaknya.

Seterusnya, Benji mengamalkan dimensi budaya individualisme dan kolektivisme secara seimbang kerana pada permulaan babak dia lebih cenderung kepada nilai individualisme, dan kemudiannya pada babak pertengahan dan pengakhiran, dia telah berubah menjadi seorang yang mengamalkan dimensi budaya kolektivisme. Selain itu, menerusi dimensi budaya orientasi jangka panjang atau pendek. Benji pada permulaannya bersikap orientasi jangka pendek dan setelah itu berubah menjadi orientasi jangka masa panjang.

Persamaan diantara watak Pak Cik Chuan dan juga Benji dari sudut nilai dimensi budaya adalah kedua-duanya mengamalkan dimensi budaya feminin melebihi daripada dimensi budaya maskuliniti. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-dua watak ini mengutamakan nilai kasih sayang

dan kualiti di dalam kehidupan walaupun mereka ini datangnya daripada budaya yang berbeza serta pemahaman yang tidak sama.

Seterusnya, hasil kajian mendapati Ah Bee menunjukkan dia lebih dominan kearah dimensi budaya individualisme dan kepuasan serta orientasi jangka pendek. Hal ini kerana, perkaitan beliau dengan pengamalan budaya masyarakat barat walaupun dia berasal dari timur. Walaupun Ah Bee bersikap individualime, namun menerusi hasil kajian mendapati bahawa dia masih mengamalkan dimensi jurang kuasa tinggi dan pengelakan ketidakpastian tinggi di dalam kehidupannya yang lebih cenderung kepada pengamalan budaya masyarakat timur. Dapatan kajian ini juga menunjukkan kaitan diantara kehidupan yang dijalankan oleh Ah Bee sewaktu zaman kanak-kanaknya dia dibesarkan di dalam budaya masyarakat timur dan selepas itu berubah menjadi budaya barat kerana telah menetap lama di England. Namun demikian sesetengah nilai budaya masih tertanam dalam hatinya dan tidak akan berubah. Selain itu, Ah Bee merupakan seorang yang feminin kerana ianya tidak akan terlepas daripada tingkah laku dan nilai budaya seorang wanita, walaubagaimanapun, terdapat perubahan di dalam diri Ah Bee yang membuatkan nilai dimensi budaya antara maskuliniti dan feminin ini seimbang dan ini menunjukkan bahawa Ah Bee seorang yang mengutamakan pencapaian di dalam kehidupannya disamping tetap mengamalkan nilai budaya feminin.

4.4 *Ola Bola*

Sekali lagi dunia perfileman Malaysia digegarkan pada tahun 2016 dengan kemunculan filem bergenre sukan yang berjaya meraih kutipan sebanyak RM 15.85juta setelah 39 hari tayangan. Filem ini diinspirasi daripada kisah benar mengenai semangat juang pasukan bola sepak negara untuk bangkit daripada kekecewaan, sekaligus muncul sebagai wira negara.

Filem *Ola Bola* memaparkan semangat juang pemain bola sepak negara yang pernah mengharumkan nama Malaysia apabila layak ke Sukan Olimpik Moscow, Rusia pada 1980. Mengimbuai kembali ketika di awal era 80-an, pasukan bola sepak negara ketika itu berdepan dengan cabaran di mana pemain-pemainnya mempunyai perbezaan pendapat dan tidak sehaluan sehingga menyebabkan kekalahan dalam perlawanan penting. Keadaan semakin rumit apabila hampir setiap pemain mempunyai isu dan masalah masing-masing. Walau bagaimanapun, mereka hanya mempunyai satu peluang untuk beraksi di persada mata dunia. Jadi, barisan pemain harus mengetepikan hal peribadi demi mengharumkan nama negara. Ketika semangat kembali menyemarak dalam diri, pasukan negara sekali lagi diduga dengan satu cabaran yang mematahkan semangat mereka dan harapan negara.

Menerusi hasil kajian di dalam filem *Ola Bola* ini, watak-watak yang dipilih adalah berdasarkan mereka ini dominan ke arah nilai dimensi yang mana di antara keenam-enam nilai dimensi budaya tersebut. Oleh itu, bagi watak utama di dalam filem ini iaitu *Tauke*, dia mengamalkan nilai dimensi budaya yang paling ketara berbanding dengan watak-watak lain. Antaranya ialah, *Tauke* mempunyai nilai dimensi budaya individualisme, maskulin, pengelakan ketidakpastian tinggi, orientasi jangkamasa panjang dan pendek secara seimbang dan nilai dimensi budaya pengawalan.

Seterusnya ialah watak *Rahman* yang merupakan sahabat baik *Tauke* merangkap pengulas sukan yang masih baru di dalam bidangnya. *Rahman* lebih cenderung ke arah nilai dimensi budaya kolektivisme dan jurang kuasa rendah diantara dia dan ketiga-tiga gurunya yang mengajarnya ilmu di dalam mengulas sukan bola sepak.

Selain itu, watak kakak kepada Tauke iaitu Mei Leng pula lebih dominan di dalam nilai dimensi budaya feminin, manakala jurulatih Harry pula lebih disifatkan dengan nilai dimensi budaya jurang kuasa tinggi. Watak Eric pula lebih cenderung ke arah pengelakan ketidakpastian rendah dan watak Ah Cai pula disifatkan di dalam nilai dimensi budaya kelonggaran.

Sebagai contoh, watak yang cenderung mempunyai nilai dimensi pengelakan ketidakpastian tinggi ialah watak Tauke. Dia sering tertekan dengan keadaannya yang terlalu ingin memasuki Olimpik setelah dia kecewa pada 4 tahun sebelumnya. Disebabkan oleh tekanannya itu, Tauke tidak boleh untuk menerima kehadiran jurulatih yang baru iaitu Harry. Menambahkan lagi rasa tekanannya itu, apabila jurulatih Harry mengubah formasi yang mereka sudah biasa selama ini. Semenjak kejadian itu telah sikapnya yang menjadikan Tauke tidak mahu mendengar arahan daripada jurulatih Harry dan akhirnya telah menyebabkan berlakunya pertelingkahan antara mereka berdua beberapa kali sebelum Tauke berputus asa dan membuat keputusan untuk keluar dari pasukan. Hal ini kerana, Tauke tidak sanggup untuk menerima sebarang risiko kekalahan yang teruk kerana dia sudah lama mengidamkan kemenangan bagi melayakkan pasukan kebangsaan ke Olimpik.

4.5 KL Gangster

Kisah KL Gangster ini bermula apabila Shark dan Dragon merebut kawasan yang dusahkan oleh Tony. Dendam dan sikap tamak Shark yang tidak berkesudahan membuatkan pelbagai kejadian yang berlaku. Walaupun, Malek sudah dipenjarakan selama 5 tahun, namun ianya tetap tidak memadamkan dendam Shark terhadapnya. Malek dan King merupakan sahabat baik di dalam dunia gangster, dan ini menyebabkan Shark sebagai anak tiri berasa tergugat. Oleh disebabkan itu, Shark memerangkap Malek ketika mereka sedang merompak dan akhirnya Malek dipenjarakan selama 5 tahun.

Menerusi hasil kajian di dalam filem KL Gangster ini, watak-watak yang dipilih adalah berdasarkan mereka ini dominan ke arah nilai dimensi yang mana di antara keenam-enam nilai dimensi budaya tersebut. Oleh itu, bagi watak Malek, dia lebih cenderung ke arah nilai dimensi budaya kolektivisme dimana dia sangat mementingkan kepentingan semua pihak yang berkaitan dengan dirinya, kemudian watak Malek juga cenderung ke arah nilai dimensi budaya maskuliniti dan feminin dari permulaan cerita hingga ke akhir cerita.

Seterusnya, watak King, ketua kumpulan gangster lebih dominan ke arah nilai dimensi budaya jurang kuasa tinggi dan nilai dimensi kelonggaran dan kepuasan. Begitu juga dengan ketua kumpulan gangster yang kedua iaitu watak Dragon yang juga mempunyai nilai dimensi budaya jurang kuasa tinggi di dalam wataknya. Selain itu, watak Shark yang merupakan anak tiri kepada King pula lebih cenderung ke arah nilai dimensi budaya individualisme, maskuliniti, pengelakan ketidakpastian tinggi dan kekurangan/kawalan.

Watak seterusnya yang menampakan elemen nilai dimensi budaya teori Hofstede ini ialah, watak Jai yang mempunyai nilai dimensi individualisme, maskulin, jurang kuasa rendah dan orientasi jangka pendek. Manakala watak Ajib pula mempunyai nilai dimensi budaya orientasi jangka panjang. Dua lagi watak iaitu watak Fadil mempunyai nilai dimensi budaya feminin, pengelakan ketidakpastian rendah dan orientasi jangka panjang, serta watak Ibu kepada Malek yang mempunyai nilai budaya kolektivisme.

Sebagai contoh, Shark merupakan seorang yang sangat gilakan kuasa sehingga dia mampu untuk lakukan apa sahaja jika ada yang dirasakan menentang dan boleh menyebabkan dia jatuh.

Jadi ini jelas menunjukkan ciri-ciri yang ada pada nilai dimensi budaya pengelakan ketidakpastian tinggi iaitu, masyarakat atau individu yang mengamalkan dimensi ini adalah golongan yang selalu tekanan tinggi, tidak boleh untuk menerima orang baru di dalam sesebuah organisasi, mempercayai apa yang dirasakan benar sahaja dan tidak menerima idea yang berbeza. Berdasarkan hasil kajian mendapati, terdapat beberapa kali Shark berkata mengenai Malek. Shark seolah-olah takut akan Malek menguasai semula kumpulannya dengan King. Oleh sebab itu, Shark merancang pelbagai rancangan untuk menghapuskan Malek. Malek dipenjarakan selama 5 tahun juga merupakan angkara Shark, dimana dia seorang yang busuk hati dan gilakan kuasa. Elemen nilai dimensi budaya individualisme dan pengelakan ketidakpastian tinggi mempunyai perkaitan apabila melibatkan watak seperti Shark.

5. Perbincangan

Berdasarkan hasil kajian, pengkaji telah mendapati di dalam setiap filem yang dikaji ini mempunyai kritereanya yang tersendiri. Hal ini demikian kerana, filem-filem yang dikaji telah berjaya mempamerkan serta menonjolkan barisan watak-watak yang memberikan kesan yang mendalam kepada penonton. Sentimen-sentimen khusus yang telah disuntik ke dalam sesebuah filem itu ternyata telah berjaya menarik minat penonton untuk menonton filem-filem tersebut.

Bagi filem *Munafik*, ia mempunyai banyak elemen-elemen dimensi budaya yang boleh diketengahkan selain daripada filemnya yang mengetengahkan konsep filem seram yang penuh dan sarat dengan mesej keagamaan. Selain itu, penggunaan barisan pelakon itu sendiri juga memberi kesan terhadap kelarisan sesebuah filem itu. Namun, setelah dikaji oleh pengkaji, berdasarkan nilai dimensi budaya teori Hofstede, kecenderungan bagi meletakkan *Munafik* sebagai filem yang berada di carta tertinggi carta filem Malaysia ialah disebabkan oleh elemen budaya ketimuran yang diketengahkan dan nilai keagamaan yang ditonjolkan.

Seterusnya untuk filem *Polis Evo*, elemen-elemen yang menyebabkan filem ini menduduki carta tertinggi carta filem Malaysia adalah disebabkan oleh nilai-nilai dimensi budaya maskuliniti ditonjolkan dengan ketara dari permulaan babak hingga ke pengakhiran babak dalam filem. Selain itu, bagi filem *The Journey* pula, kriteria yang menonjol di dalam filem ini ialah isu kebudayaan yang diterapkan antara budaya barat dan juga budaya masyarakat timur. Pertembungan budaya ini telah menyebabkan penonton berasa tertarik untuk menonton.

Filem *Ola Bola* juga menjadi tarikan khalayak disebabkan oleh elemen kesukanan yang ditonjolkan selain daripada hasil kajian yang menunjukkan filem ini mempunyai nilai dimensi orientasi jangkamasa panjang kerana mereka mementingkan nilai persahabatan yang tinggi begitu juga dengan filem *KL Gangster* yang memaparkan elemen-elemen aksi yang banyak disamping nilai-nilai dimensi yang diamalkan adalah ketara di dalam setiap watak tertutamanya watak-watak utama.

6. Rumusan dan cadangan

Melalui hasil kajian yang diperoleh, filem *Munafik* merupakan filem yang memaparkan nilai-nilai budaya masyarakat Melayu dan ianya juga merupakan filem seram yang penuh dan sarat dengan elemen dan mesej keagamaan. Filem ini menunjukkan realiti kehidupan dan isu kebudayaan yang tepat sehingga boleh menyentuh hati penonton dan menarik khayalak untuk menonton.

Seterusnya, menerusi hasil kajian yang diperolehi melalui filem Polis Evo, ianya merupakan filem yang memaparkan budaya anggota kolar biru di dalam menjalankan tugas mereka untuk masa depan Negara. Filem ini juga dapat menunjukkan realiti kehidupan masyarakat di bandar dan di luar bandar digabungkan di dalam sebuah nilai budaya yang baru. Oleh sebab itu filem Polis Evo dapat meyakinkan penonton untuk menonton filem Polis Evo ini.

Filem yang seterusnya ialah, filem *The Journey*. Berdasarkan hasil kajian yang didapati menerusi filem *The Journey* ini, ianya memaparkan budaya barat dan budaya timur yang dapat menekankan konsep kekeluargaan di dalam kehidupan mereka. Filem ini dapat meyakinkan serta menyentuh hati penonton untuk menonton disebabkan oleh perkaitan semua nilai budaya tanpa mengira latar belakang mereka.

Selanjutnya, menerusi hasil kajian yang diperolehi daripada filem *Ola Bola* ialah, filem ini memaparkan isu kebudayaan dan semangat kesukanan di dalam jiwa masyarakat di Malaysia. Hal ini kerana, filem yang berunsurkan kesukanan ini ditambah lagi dengan elemen nilai budaya yang tinggi membolehkan filem ini ditonton oleh khalayak seterusnya menjadikan filem *Ola Bola* adalah antara filem yang banyak ditonton oleh masyarakat.

Filem yang terakhir ialah, filem *KL Gangster*. Menerusi filem *KL Gangster* hasil kajian yang didapati ialah, filem ini memaparkan elemen aksi yang banyak disamping mengetengahkan elemen-elemen kebudayaan di dalam pelbagai jenis masyarakat. Filem ini menarik kerana sarat dengan permainan emosi dan masih tidak lari dengan genre aksi seperti yang ingin dipaparkan oleh pengarah.

Dengan mengkaji kelima-lima filem ini, kita dapat mengetahui cara pengolahan nilai-nilai kebudayaan oleh industri perfileman. Walaupun industri perfileman sering dikaitkan dengan keuntungan yang banyak, namun pada masa yang sama juga industri perfileman ini juga memainkan peranan yang penting di dalam menyampaikan mesej kepada khalayak. Penggunaan teori Hofstede lebih membantu pengkaji di dalam mempelajari pelbagai jenis elemen budaya yang ada pada sesebuah filem.

Dari segi watak pula, setiap filem watak utamanya mengamalkan nilai dimensi budaya. Namun nilai dimensi budaya yang dominan di dalam watak utama ialah pengelakan ketidakpastian tinggi dan kekangan serta kesemua watak utama pada awalnya lebih ke arah individualisme namun di akhir penceritaan kolektivisme mendominasi dan menjadikan semua watak adalah kolektivisme.

Melalui kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kelima-lima filem yang dikaji adalah filem yang menunjukkan realiti kehidupan dan elemen kebudayaan yang tepat di dalam masyarakat Malaysia menerusi filem-filem yang dihasilkan, kerana ianya dapat menghasilkan keunikan pada sesebuah Negara dengan Negara yang lain amat penting untuk dijaga kerana ianya merupakan identiti Negara kita yang tersendiri.

Secara kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa di dalam kelima-lima filem yang telah dikaji, nilai dimensi budaya pengelakan ketidakpastian tinggi dan nilai budaya kekangan merupakan dimensi yang lebih dominan berbanding dengan dimensi yang lain. Hal ini disebabkan oleh kesemua watak-watak utama di dalam filem yang dikaji mengalami nilai dimensi budaya pengelakan ketidakpastian tinggi apabila mereka adalah golongan yang tidak boleh menerima kehadiran orang baru di dalam kehidupan mereka. Begitu juga dengan nilai dimensi budaya kolektivisme, walaupun terdapat beberapa watak utama yang pada awalnya mempunyai nilai dimensi budaya individualisme namun di akhir cerita tetap mereka cenderung ke arah nilai dimensi budaya kolektivisme. Hal ini dapat menunjukkan industri perfileman

Malaysia telah menggambarkan dan mencerminkan wajah sebenar masyarakat Malaysia yang bersifat kolektivisme di dalam diri mereka, namun terdapat dua elemen yang lebih menonjol iaitu pengelakan ketidakpastian tinggi serta kekangan di dalam watak-watak utama kelima-lima filem yang dikaji.

Rujukan

- Andria Saptiyasari & Sri Moerdijati. (2010). Nilai-nilai Budaya dalam Komunikasi Antarabudaya dalam Filem Drama. Jurusan Ilmu Komunikasi FISIP, Universitas Airlangga
- Clarissa Callista Chandra Tjeng. (2014). Masculine And Feminine Traits In Cinderella And Ever After. Universiti Malaysia Perlis.
- Halimah Mohamed Ali. (2014). Ciri-Ciri Keperwiraan Dan Pemaparan Sihir Melayu Dan Thailand Melalui Dua Filem Nusantara: Hikayat Merong Mahawangsa Dan Queens Of Langkasuka. Universiti Sains Malaysia.
- Hofstede, G. (1980). Culture`s Consequences : International different in work related values. Newburry Park, CA : Sage.
- Juliana Abdul Wahad & Mahyuddin Ahmad. (2009). Filem Box Office dan Ideologi : Satu kajian terhadap Filem-filem terpilih di Malaysia. *Journal of arts Discourse*, (8) : 2-26
- Wenmin Wo. (2015). A Cross-Cultural Analysis Of Disney Mulan Film And Chinese Mulan Drama Impacts On Chinese Audience`s Attitude. Bangkok University.